

16/12/1997

Kaji guna lebih satu mata wang

KUALA LUMPUR, Isnin - Ketua-ketua negara Asean hari ini bersetuju mengarahkan menteri kewangan pertubuhan itu mengkaji penggunaan lebih daripada satu mata wang dalam urus niaga perdagangan antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ketua-ketua negara Asean membincangkan kedudukan mata wang dolar yang dominan dalam perdagangan antarabangsa.

Menurutnya, beberapa pendapat mengatakan tidak seharusnya menggunakan satu mata wang saja dalam perdagangan antarabangsa, sebaliknya beberapa mata wang yang perlu digunakan.

"Antara yang disebutkan mata wang `Euro' dan `Yen'. Ini adalah satu perkara yang perlu dikaji secara mendalam dan apakah kesannya jika kita menggunakan lebih daripada satu mata wang.

"Perkara ini kami bincangkan tadi tetapi tiada rumusan yang dibuat kecuali meminta menteri kewangan untuk mengkaji kesan menggunakan mata wang lain dalam perdagangan antarabangsa," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Asean Campur Tiga (China, Korea Selatan dan Jepun), di sini, hari ini.

Perdana Menteri juga berkata, sidang kemuncak itu tidak membincangkan kemungkinan mewujudkan satu mata wang tunggal Asean seperti yang dilaporkan sebelum ini.

Mata wang `Euro' dijadual diperkenalkan penggunaannya di kalangan bank di Eropah menjelang tahun depan dan mula digunakan oleh awam pada tahun 2000.

Dr Mahathir berkata, pemimpin Asean turut membangkitkan cadangan mewujudkan aturan kerja di kalangan bank di Asia Timur supaya menjadi lebih besar dan boleh bersaing dengan bank lain di dunia.

(END)